

LAWATAN DARI USM (KAMPUS KEJURUTERAAN SERI AMPANGAN)

Rombongan dari Universiti Sains Malaysia (Kampus Kejuruteraan Seri Ampangan) telah mengadakan **lawatan selama dua (2) hari** ke KUKUM pada **1 hingga 2 November 2002** yang lalu. Rombongan yang terdiri daripada lebih kurang **45 orang peserta** ini menginap di Kolej Kediaman Pelajar di Taman Aman, Bintong. Pelbagai aktiviti menarik telah dijadualkan sepanjang lawatan dari pihak USM ini. Antaranya ialah **perlawanan bola sepak, bola jaring dan badminton.**

Peserta rombongan juga dibawa melawat ke tempat-tempat menarik termasuk membeli-belah di Pekan Padang Besar. Terima kasih kepada semua pihak yang turut membantu menjayakan lawatan ini.